



MINGGU SAHAM DIGITAL KEMBALI

*Program hiburan didik selama 7 hari bertemakan
#LaburBersama meneruskan inisiatif untuk meningkatkan
Literasi Kewangan dalam kalangan rakyat Malaysia*

Kuala Lumpur, 18 November 2021 – Susulan daripada kejayaan Minggu Saham Digital (MSD) pada 2020 yang meraih dua juta tontonan, Permodalan Nasional Berhad (PNB) hari ini melancarkan MSD 2021 dengan program yang lebih menarik untuk mendekati lebih ramai rakyat Malaysia. Bertemakan #LaburBersama, MSD 2021 berlangsung dari semalam (17 November) hingga 23 November 2021 dengan aktiviti yang bertujuan untuk mendidik dan meningkatkan pemahaman orang ramai tentang simpanan dan pelaburan dalam format hiburan didik, sambil mempamerkan portfolio syarikat PNB dan operasi perniagaannya.

Acara digital, yang merupakan edisi kedua MSD dan evolusi dari Minggu Saham Amanah Malaysia (MSAM) itu, dirasmikan oleh **Pengerusi Kumpulan PNB, Tun Arifin Zakaria, dan Presiden & Ketua Eksekutif Kumpulan PNB, Ahmad Zulqarnain Onn** pada majlis pelancaran secara maya yang disiarkan secara langsung melalui laman Facebook dan saluran YouTube MSD. **Perdana Menteri Malaysia, YAB Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob** yang membuat penampilan khas melalui ucapan video, mengucapkan tahniah kepada PNB atas inisiatif yang berterusan dalam mengadakan acara literasi kewangan tahunan di platform digital.

Dalam ucapannya, Tun Arifin Zakaria berkata, “Bermula dengan Minggu Saham Amanah Malaysia (MSAM) sejak dua dekad lalu, program tahunan literasi kewangan PNB ini telah beralih kepada

RAKAN PREMIER



RAKAN UTAMA



RAKAN



17 - 23 Nov 2021
#LaburBersama

minggusahamdigital.com.my

@minggusahamdigital

Minggu Saham Digital



platform digital semenjak tahun lepas. Secara fizikal atau maya, objektif Minggu Saham kekal sama, iaitu untuk mendidik serta menyemai kesedaran dalam kalangan rakyat Malaysia mengenai pentingnya merancang kewangan daripada usia muda.”

“Sambutan menggalakkan daripada orang ramai telah mendorong PNB untuk meneruskan MSD pada tahun ini. Ia kekal sebagai salah satu platform interaktif untuk rakyat Malaysia mendalami ilmu kewangan dan mengenali PNB serta syarikat pelaburan kami dengan lebih dekat,” tambah beliau.

Tun Arifin menjelaskan, “MSD 2021 memberi peluang kepada pelabur kami khususnya, dan seluruh masyarakat amnya, memahami bagaimana pelaburan mereka dalam unit amanah ASNB menyumbang kepada kekuatan ekonomi Malaysia.”

Pada majlis itu, PNB turut melancarkan dana harga berubah baharu Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB), ASN Equity Global, dana ASNB pertama yang memberi tumpuan sepenuhnya kepada ekuiti global. ASN Equity Global ialah dana pertumbuhan ekuiti untuk pelabur yang mempunyai toleransi risiko tinggi dan inginkan pertumbuhan agresif dari pulangan modal pelaburan mereka. Dana ini terbuka kepada semua rakyat Malaysia dengan pelaburan awal RM10.00.

MSD 2021 menyediakan pelbagai program mengenai kewangan, pelaburan, keusahawanan dan lain-lain yang akan dibincangkan oleh pakar bidang khusus, personaliti terkenal dan selebriti, seperti Bijak Finance, Raiz Bersama, Sembang-Sembang ASNB dan banyak lagi.

Bagi mereka yang lebih cenderung kepada perniagaan, siri Asia School of Business (ASB)-Iclif MBA Masterclass akan menampilkan penceramah bertaraf dunia yang akan berkongsi pandangan tentang kewangan, keusahawanan dan pelaburan.

RAKAN PREMIER



RAKAN UTAMA



RAKAN



17 - 23 Nov 2021
#LaburBersama

minggusahamdigital.com.my

[f](#) [i](#) [t](#) @minggusahamdigital

[▶](#) Minggu Saham Digital



Penceramah bagi program Masterclass tersebut ialah Penolong Profesor Pemasaran dan Felo Fakulti Antarabangsa di Asia School of Business, Prof. Willem Smit; Ketua Bimbingan dan Kaunseling di Asia School of Business, Michele Sagan; dan Penasihat Kanan Pembangunan Perniagaan, dan Tadbir Urus Korporat di Asia School of Business, Dr. Elsa Satkunasingam.

Pada tahun ini, peserta MSD berpeluang memenangi hadiah lebih daripada RM500,000, termasuk sebuah Hyundai Kona tajaan Sime Darby Berhad, sebuah Toyota Yaris tajaan UMW Holdings Berhad, sebuah Perodua Ativa tajaan Perusahaan Otomobil Kedua Sendirian Bhd (PERODUA) dan beberapa buah motosikal Honda Dash 125 tajaan MIDF untuk peraduan **Jom...Kira Duit**.

Antara personaliti dan selebriti yang bakal menyemarakkan lagi MSD ialah Fahrin Ahmad, Syamel & Ernie Zakri, Betty Rahmad, Catriona Ross, selebriti parodi media sosial Azman Naim, Khatijah Tan, Nabila Huda, Azhan Rani, Nadia Aqilah, Imam Muda Asyraf, Sissy Iman dan Fikry Ibrahim.

Untuk menyertai program dan peraduan yang ditawarkan sepanjang MSD 2021, rakyat Malaysia dijemput melayari laman web rasmi MSD di www.mingqusahamdigital.com.my.

- TAMAT -

RAKAN PREMIER



RAKAN UTAMA



RAKAN



17 - 23 Nov 2021
#LaburBersama

mingqusahamdigital.com.my

@mingqusahamdigital

Minggu Saham Digital



MENGENAI PERMODALAN NASIONAL BERHAD (PNB)

Permodalan Nasional Berhad (PNB) adalah syarikat pengurusan dana terbesar di Malaysia dengan aset di bawah pengurusan (AUM) kini melebihi RM300 bilion. Portfolio PNB merangkumi pelaburan-pelaburan strategik di syarikat korporat terkemuka Malaysia, ekuiti global, pelaburan persendirian dan hartanah. Untuk maklumat lanjut, layari www.pnb.com.my.

MENGENAI MINGGU SAHAM DIGITAL (MSD)

MSD adalah adaptasi Minggu Saham Amanah Malaysia (MSAM) yang beralih ke acara digital bermula pada tahun lepas. Program yang berlangsung selama seminggu ini padat dengan program pendidikan dan hiburan interaktif untuk mendidik dan meningkatkan pemahaman yang lebih mendalam tentang simpanan dan pelaburan. Untuk menyertai program dan peraduan yang ditawarkan sepanjang MSD2021, sila layari laman web rasmi MSD di www.minggusahamdigital.com.my.

Dikeluarkan oleh Permodalan Nasional Berhad

RAKAN PREMIER



RAKAN UTAMA



RAKAN



17 - 23 Nov 2021
#LaburBersama

minggusahamdigital.com.my

[f](#) [i](#) [t](#) @minggusahamdigital

[v](#) Minggu Saham Digital